

Najib ditentang calon muda PKR
Utusan Online
21 April, 2013

PEKAN 20 April - Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Najib Tun Razak yang mempertahankan kerusi Parlimen Pekan ditentang calon Parti Keadilan Rakyat (PKR), Fariz Musa dalam pertembungan satu lawan satu pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) ini.

Pengumuman tersebut dibuat oleh Pegawai Pengurus Pilihan Raya Parlimen Pekan, Datuk Mohd. Fadzli Mohd. Kenali pada kira-kira pukul 10.40 pagi di pekarangan Dewan Konvensyen Pekan yang menjadi lokasi pusat penamaan calon bagi parlimen berkenaan.

Terdahulu, Najib tiba di pekarangan dewan tersebut pada kira-kira pukul 8.45 pagi bersama lebih 5,000 penyokong UMNO dan parti komponen BN yang sebelum itu berarak dari Bangunan UMNO Pekan.

Para penyokong BN kelihatan cukup bersemangat dengan membawa pelbagai sepanduk dan bilangan mereka jauh mengatasi kumpulan kira-kira 500 penyokong pakatan pembangkang yang rata-ratanya penyokong Pas.

Sebaik Mohd. Fadzli mengumumkan masa penyerahan borang pencalonan dibuka, Najib yang berbaju Melayu biru kemudian menjadi calon pertama menyerahkan borang pencalonan diikuti empat calon BN bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam Parlimen berkenaan.

Mereka ialah calon BN di DUN Chini, Datuk Abu Bakar Harun, Khairuddin Mahmud (Pulau Manis), Datuk Sh. Mohamed Puzi Sh. Ali (Peramu Jaya) dan Mohd. Fakhruddin Mohd. Aris (Bebar).

Bertindak sebagai pencadang Najib ialah Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman dan disokong oleh Ab Majid Mohamed.

Sementara itu, Fariz menyerahkan borang penamaan pada 9.25 pagi disusuli calon DUN daripada PKR, Sitarunisah Ab. Kadir (Chini) dan Mohd. Jafri Ab Rashid (Bebar).

Pas pula bertanding di DUN Pulau Manis dengan diwakili Othman Bakar dan DUN Peramu Jaya, Abu Kassim Manaf.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130421/px_11/Najib-ditentang-calon-muda-PKR#ixzz2ZuGtZxlh

© Utusan Melayu (M) Bhd